

Headline	RM1 realisasi Sifar Aids		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	43	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	252 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,386
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,158



RM1 realisasi Sifar Aids

Elak peningkatan pesakit baru



Azman menyerahkan sumbangan kutipan tabung untuk Gaza kepada Syed Muhammad (kanan).

MORIB - Jabatan Kesihatan menyasarkan RM1 di-sumbangkan rakyat Selangor bagi merealisasikan hasrat Sifar Aids di negeri ini.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Azman Abu Bakar berkata, usaha sifar diskriminasi Aids dalam masyarakat perlu diteruskan sekali gus mengelak peningkatan pesakit baru.

Menurutnya, setiap pejabat kesihatan diarahkan memantau statistik pesakit Aids untuk membantu usaha jabatan mencegah penularan Aids kepada individu baru.

"Tidak dinafikan di negeri ini, 77 peratus masyarakat be-

risiko mendapat Aids disebabkan aktiviti seksual.

"Oleh itu, pelbagai usaha dijalankan bagi mengenal pasti penduduk berisiko mendapat Aids," katanya ketika menyempurnakan Sambutan Hari Aids Sedunia Peringkat Negeri Selangor di Pantai Morib, semalam.

Turut diadakan, kutipan sumbangan untuk Gaza dan Wawancara Titian Kasih di-kendalikan Pengerusi Rumah Komuniti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Mohd Sarifudin Johan.

Antara yang menjadi panel, Ketua Penolong Pengarang Kanan Cawangan

Pesakit Berjangkit sektor HIV, Dr Anita Suleiman, Pengerusi Pendamai, Suzaidy Sulaiman dan Ketua Biro Haluan Palestin, Himpunan Lepasan IPT Malaysia, Dr Syed Muhammad Haleem.

Hadir sama Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Ismail Lasa.

Azman berkata, masyarakat harus positif dan terus berisokongan kepada pesakit supaya mereka lebih bersemangat meneruskan kehidupan.

"Jangan terus negatif dan mendiskriminasi kerana mereka perlu diberikan peluang yang sama seperti orang lain," katanya.